

MAJU BAHASA *Majulah Bangsa*

Pada tahun ini, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), institusi yang berperanan penting melindungi dan mempertahankan salah satu tonggak jati diri bangsa, mencapai usia 60 tahun penubuhannya. Bahasa Melayu mempunyai hubungan sejarah yang panjang dengan kesultanan Melayu. DBP juga mempunyai hubungan sejarah dengan istana Raja Melayu. DBP ditubuhkan hasil daripada resolusi Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ketiga yang berlangsung di Singapura dan Johor Bahru pada bulan September 1956. Resolusi kongres diserahkan kepada Menteri Pelajaran, yang mewakili kerajaan, di Istana Besar, Johor Bahru. Acara perasmian bangunan DBP, yang berlangsung pada 31 Januari 1962 (25 Syaaban 1381), merupakan peristiwa pertama selepas merdeka yang menyaksikan kehadiran kesemua sembilan orang Raja Melayu dalam satu majlis. Oleh itu, seseorang raja pemerintah mempunyai tanggungjawab kepada bangsanya dan kepada institusi yang bertanggungjawab memenuhi satu daripada tujuh wasiat Raja Melayu, di samping mengekalkan tradisi dan peranan istana dengan perkembangan bahasa Melayu.

Pada hari ini, menurut James R. Hurford dalam *The Origins of Language: A Slim Guide*, dianggarkan terdapat 7000 bahasa yang masih dituturkan di seluruh dunia. Sepuluh daripada bahasa tersebut dituturkan oleh lebih daripada 3.6 bilion orang penduduk dunia. Bahasa Melayu, bahasa perantaraan umum yang berakar di bumi ini, tergolong dalam kumpulan 10 bahasa tersebut, dituturkan oleh lebih daripada 300 juta orang manusia. Bahasa Melayu didaulatkan dan berdaulat semenjak 2000 tahun yang lalu apabila wujudnya pelbagai kerajaan Melayu yang awal, seperti Funan, Champa atau Kembayat Negara, sehingga zaman kerajaan dan kesultanan Melayu Pasai, Perlak, Inderagiri, Melaka, Johor serta Johor-Riau, Patani, Brunei dan Aceh. Menurut Zainal Abidin Borhan dalam "Kedaulatan Bahasa Melayu" dalam *Kami Bantah* DLP, kedaulatan bahasa Melayu berasal usul dan didaulatkan oleh raja dan rakyat Melayu di alam Melayu.

Dalam *Tamadun Melayu dan Tamadun China Berwacana: Sorotan Sejarah dan Gagasan*, Awang Sariyan menyebut bahawa pada zaman kesultanan Melayu, bahasa Melayu menjadi tonggak tamadun, digunakan dalam segenap lapangan kehidupan – merangkum pentadbiran, undang-undang, diplomasi, perdagangan, ilmu dan pendidikan. Dalam zaman kesultanan Melayu, untuk kali pertamanya, bahasa Melayu mempunyai tulisan yang benar-benar luas penggunaannya – tulisan Jawi yang didasarkan pada aksara Arab – sehingga muncul tradisi bahasa Melayu persuratan, yang menjadi asas bahasa Melayu baku. Bahasa Melayu berkembang sebagai *lingua franca*, medium pengantara yang merentas sempadan kaum dan sempadan geografi. Menurut Nik Safiah Karim *et al.* *dalam Tatabahasa Dewan*, kehebatan bahasa Melayu pada abad ke-16 dirakamkan oleh sarjana Belanda, Francois Valentijin:

> "Bahasa mereka, bahasa Melayu, bukan sahaja dituturkan di daerah pinggir laut, tetapi juga digunakan di seluruh Kepulauan Melayu dan di segala negeri Timur, sebagai suatu bahasa yang difahami di mana-mana sahaja oleh setiap orang, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah, atau sebagai bahasa *lingua franca* di Itali dan di Levant. Sungguh luas tersebarnya bahasa Melayu itu sehingga kalau kita memahaminya, tidaklah mungkin kita kehilangan jejak, kerana bahasa itu bukan sahaja difahami di Parsi, bahkan lebih jauh dari negeri itu, dan di sebelah timurnya sehingga Kepulauan Filipina".



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bersama-sama tetamu kehormat Majlis Titah Diraja.

Bahasa menunjukkan bangsa. Bahasa ialah jiwa bangsanya. Bahasa itu sebahagian daripada roh bangsanya – mencerminkan sejarah, adab tertib, etika, dan etiket bangsa dalam sesuatu peradaban. Perkembangan tamadun sesuatu bangsa, dari segi keupayaan dan pencapaian intelek, tergambar dalam bahasa yang digunakan. Perbendaharaan kata sesuatu bahasa menggambarkan khazanah tamadun, hubungan silang budaya yang berlaku, kisah pengembaraan, sifat keterbukaan, dinamisme, serta kemajuan dan tahap kemahiran teknologi sesuatu bangsa pada sesuatu masa. Bahasa utama di dunia memiliki perbendaharaan kata daripada pelbagai bahasa. Bahasa Melayu juga, melalui diplomasi, perdagangan dan agama, mengasimilasikan perkataan daripada pelbagai kaum di gugusan kepulauan Melayu, serta perkataan dari Barat dan Timur, Arab, Parsi, Portugis, Inggeris, China dan India. Elemen pengaruh-mempengaruhi memperkaya bahasa Melayu, menjadikannya bahasa yang dinamik, bahasa yang hidup, dan bahasa yang terus berkembang.

Status sesuatu bahasa di sesebuah negara berkaitan rapat dengan kuasa pemerintahan dan kuasa politik. Apabila kesultanan Melayu hilang takhta, bahasanya juga kehilangan tempat. Penjajahan mengubah status bahasa Melayu di bumi ini. Dasar penjajah, yang tidak memberikan ruang kepada bahasa Melayu berperanan dalam urus tadbir negeri, menjadi satu daripada punca peribumi tertinggal jauh ke belakang.

STATUS SESUATU BAHASA DI SESEBUAH NEGARA BERKAITAN RAPAT DENGAN KUASA PEMERINTAHAN DAN KUASA POLITIK. APABILA KESULTANAN MELAYU HILANG TAKHTA, BAHASANYA JUGA KEHILANGAN TEMPAT. PENJAJAHAN MENGUBAH STATUS BAHASA MELAYU DI BUMI INI.

Kemudahan pendidikan yang disediakan dalam bahasa Melayu dihadkan pada peringkat sekolah rendah, dengan kurikulum sekadar membolehkan anak Melayu tahu membaca, menulis dan mengira, di samping tahu berkebun dan bertukang kayu. Sebagai akibatnya, majoriti anak Melayu berakhir sebagai petani dan tukang kayu. Jika ada antara mereka yang bekerja dengan kerajaan, mereka ditawarkan jawatan penolong kerani, drebar dan peon pejabat. Menurut Nik Safiah dalam *Meneliti Jejak Membaharui Babak*, Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid, dalam ucapan sulung atas nama Pengarah DBP pada 26 Februari 1957, antara lain menyebut:

"Saya berani berkata terus terang bahawa pada masa yang sudah-sudah, masyarakat kita dan kerajaan tidak memberikan penghargaan yang sewajarnya terhadap bahasa Melayu dan penulis Melayu. Akibatnya, hari ini, sangat sukar hendak mencari dan memilih orang-orang berkebolehan dalam segala lapangan yang dikehendaki oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, iaitu daripada pengarang hingga jurutaip".

Pada era pasca-Perang Dunia Kedua, berlaku gerakan rakyat di seluruh dunia yang menuntut kemerdekaan tanah air. Kesedaran politik, yang mendorong perjuangan rakyat untuk mencapai kemerdekaan, turut menyalakan kesedaran tentang pentingnya kedudukan bahasa. Tuntutan untuk bahasa Melayu dikembalikan bersemayam di takhta asalnya merupakan antara agenda utama pengisian kemerdekaan. Perjuangan menobatkan bahasa Melayu telah melalui perjalanan yang panjang dan mengambil masa yang lama. Dalam *Majlis Raja-raja: Kedudukan dan Peranan dalam Perlembagaan Malaysia*, Abdul Aziz Bari menyatakan bahawa raja Melayu, sejak mesyuarat Durbar pada tahun 1903, telah membangkitkan soal pengiktirafan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Semasa menurunkan tanda tangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957, Raja Melayu menetapkan tujuh wasiat, dengan satu daripadanya menyentuh bahasa – "Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu."

Titah wasiat raja Melayu serta tuntutan rakyat diberi jaminan oleh pimpinan politik negara. Seperti yang dicatatkan

Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menandatangani buku pelawat.

dalam buku cenderamata pembukaan bangunan DBP pada tahun 1962, ketika berucap dalam perhimpunan rakyat melafazkan ikrar bahasa kebangsaan pada 22 Julai 1961, Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra, telah memberikan komitmen yang berikut:

> "... Saya bagi pihak Kerajaan Perikatan suka mengambil peluang ini untuk membuat pengakuan, bahawa selagi kami, memegang kuasa pemerintahan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu itu, maka kami tidak akan undur setapak jua pun untuk mempertahankan Bahasa Kebangsaan yang tunggal, bagi negeri ini dan untuk melaksanakan pemakaiannya dengan sepenuh-penuhnya, manakala sampai tempoh yang telah ditentukan oleh Perlembagaan itu".

Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein, semasa berucap dalam majlis pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 1966 di daerah Kelang, memberikan jaminan bahawa bahasa kebangsaan akan menjadi bahasa rasmi yang tunggal di negara ini pada tahun 1967.

Apabila kata gagal dikotakan dan apabila janji tidak ditepati, para pejuang bahasa terasa amat kecewa. Apabila pucuk pimpinan negara memperlihatkan sikap kurang bersungguh-sungguh melaksanakan Dasar Bahasa Kebangsaan, para pejuang bahasa menyifatkan pemimpin mempersendakan mereka. Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan digerakkan. Pada 3 Mac 1967, di Balai Budaya DBP, 2000 orang nasionalis bangsa, yang mewakili 120 buah pertubuhan Melayu, telah berhimpun. Peristiwa tersebut dikenali sebagai peristiwa "api dan air mata" – api kemarahan bangsa Melayu, air mata keharuan yang dititiskan oleh Syed Nasir Ismail. Peristiwa tersebut turut dirujuk sebagai "keranda 152". Ucapan Dato' Mohd. Asri Muda, ketika membahaskan Rang Undang-undang Bahasa (1967) di Parlimen pada 4 Mac 1967, disifatkan sebagai pidato bersejarah yang kemudiannya dinamai "Rakyat Menggugat". Sasterawan Negara, Usman Awang, mengakhirinya dengan puisi "Malam itu di Balai Budaya" dengan bait yang berikut:

> "Malam itu juga
> Parlimen jadi petanda
> Memenggal leher BAHASA".

Isu bahasa mempunyai pengaruh yang kuat, yang menentukan jatuh bangun seseorang tokoh politik ketika itu. Susulan daripada isu bahasa, populariti Tunku Abdul Rahman menurun, terutama keyakinan dalam kalangan orang Melayu. Barisan pimpinan negara, juga pimpinan UMNO, membaca mesej rakyat secara tepat, lalu melakukan langkah pembetulan. Menurut Yahya Ismail dalam "Perjuanganmu Disanjung: Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan" dalam buku cenderamata ulang tahun DBP ke-40, semasa berlangsungnya perjumpaan yang diaturkan oleh Tan Sri Abdullah Ahmad, Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri, dengan wakil Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan, ketika berucap, Tun Abdul Razak memberikan jaminan bahawa kerajaan tetap menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal. Wakil Badan Bertindak Bahasa Kebangsaan, Yahya, semasa berucap menyatakan bahawa badan itu berpegang pada semangat Fasal 152, Perlembagaan Negara, dan akan tetap memberikan sokongan kepada kerajaan selagi kerajaan berpegang teguh pada janji keramat Perlembagaan. Badan itu bukan memusuhi kerajaan, tetapi menentang mereka yang bersifat anticita-cita nasional dan menentang mereka yang tidak yakin dengan kekuatan bahasa ibunda sendiri".

Keberanian Syed Nasir melayakkannya dinobatkan dengan gelaran Panglima Bahasa. Walaupun rapat dengan Tunku Abdul Rahman, dilantik oleh Perdana Menteri menyandang jawatan Pengarah DBP, dan bertanggungjawab kepada Menteri Pelajaran, segala hubungan dan kaitan tersebut tidak menjadikan Syed Nasir insan bisu, menikus takut. Syed Nasir cekal bersuara – bersuara dengan lantangnya, bersuara secara tegas, secara berani. Syed Nasir menulis surat kepada semua jabatan kerajaan, mendesak jabatan kerajaan bertindak tegas, tidak melayan sebarang surat yang tidak menggunakan bahasa kebangsaan.

Semangat pejuang bahasa menjulang bagaikan api dituang minyak apabila Tun Abdul Rahman Ya'akob dilantik sebagai Menteri Pelajaran dalam tahun 1969. Semasa wawancara di radio, secara tegas beliau mengarahkan pegawai supaya memasukkan surat yang dihantar ke jabatan kerajaan yang tidak menggunakan bahasa kebangsaan ke dalam bakul sampah. Surat pertama yang menerima nasib dimasukkan ke dalam bakul sampah ialah surat yang dialamatkan kepadanya, daripada National Union of the Teaching Profession (NUTP). Bahasa Melayu akhirnya mencapai tahap berperanan sebagai bahasa pengantar pelbagai bidang ilmu. Segalanya tercapai kerana para pejuang bahasa memperlihatkan sifat ketegasan, keberanian, kecekalan dan kesungguhan.

PADA 3 MAC 1967, DI BALAI BUDAYA DBP, 2000 ORANG NASIONALIS BANGSA, YANG MEWAKILI 120 BUAH PERTUBUHAN MELAYU, TELAH BERHIMPUN. PERISTIWA TERSEBUT DIKENALI SEBAGAI PERISTIWA "API DAN AIR MATA" – API KEMARAHAN BANGSA MELAYU, AIR MATA KEHARUAN YANG DITITISKAN OLEH SYED NASIR ISMAIL.

Bahasa Melayu berjaya dikembalikan di persada yang sememang miliknya. Pejuang bahasa pula tidak sekadar berperanan sebagai kumpulan pendesak, berslogan dan berdemonstrasi, tetapi tampil ke hadapan menyahut cabaran, mengambil tanggungjawab untuk melengkapkan bahasa Melayu agar dapat memenuhi peranan sebagai bahasa kebangsaan negara. DBP amat besar peranan dan jasanya kepada bangsa dan negara, memenuhi amanah untuk memartabatkan dan memberikan nilai kepada bahasa warisan bangsa ini.

Ratusan ribu jam manusia didedikasikan kepada usaha memastikan bahasa Melayu berkembang dinamik, berupaya memenuhi fungsi sebagai bahasa pentadbiran, bahasa ilmu dan bahasa menyatupadukan warga. Para pejuang bahasa, secara gigih dan komited, dengan bijak lagi arif, melakukan adukan secara sistematis dan artistik, menggabungkan, menerima pakai, mengubahsuai, mencipta istilah, sehingga berjaya memperkaya perbendaharaan kata bahasa Melayu. Menurut Hassan Ahmad dalam "Tugasnya Semakin Mencabar Selepas 40 Tahun" dalam buku cenderamata ulang tahun DBP ke-40, lebih daripada 600 ribu istilah dihasilkan dan sistem ejaan diselaraskan. Penerbitan penting diterjemahkan dan buku dalam bahasa Melayu diterbitkan. Usaha menobatkan bahasa Melayu mencapai puncak apabila bahasa itu dilaksanakan sepenuhnya sebagai bahasa ilmu di pusat pengajian tinggi dan menjadi lengkap apabila terlaksana penggunaannya di kamar mahkamah di negara ini.

Negara sedang melangkah kepada usia 60 tahun kemerdekaannya. Banyak generasi pramerdeka yang telah kembali ke rahmatullah; bilangan generasi pascamerdeka juga semakin kecil. Kini lahir generasi baharu dalam persekitaran dunia yang sangat berbeza. Generasi baharu melihat dan mentakrifkan peranan bahasa dari perspektif yang sangat berbeza, bebas daripada sebarang ikatan emosi. Generasi baharu melihat bahasa hanya sebagai medium komunikasi, tanpa menghiraukan aspek sejarah dan dimensi jati diri bangsa. Generasi baharu, dewasa dalam era

komunikasi global, era inovasi teknologi serta era penemuan saintifik berlaku begitu pantas, era hubungan perniagaan dan hubungan profesional antara muka di teater antarabangsa, semakin berlaku. Dunia kini disifatkan sebagai desa buana. Bahasa yang diucapkan oleh banyak warga dunia ialah bahasa yang lebih lebar dan luas penyebarannya, semestinya memiliki nilai yang lebih tinggi, memiliki kelebihan politik, kelebihan ekonomi, kelebihan perdagangan, kelebihan akademik dan kelebihan budaya.

Pada hakikatnya, bahasa Inggeris ialah bahasa yang memiliki segala kelebihan. Menurut Philip Gooden dalam *The Story of English: How the English Language Conquered the World*, tidak ada bahasa di dunia pada ketika ini yang mencapai tahap perkembangan dan dinamisme setanding dengan bahasa Inggeris. Walaupun dari segi perangkaan penutur bahasa Inggeris berada di tangga kedua, di bawah bahasa Mandarin, bahasa Inggeris berjaya merentas sempadan geografi yang lebih luas, dituturkan di 115 buah negara. Pencerakinan artikel dalam Wikipedia menunjukkan bahawa artikel berbahasa Inggeris tiga kali ganda melebihi artikel yang ditulis dalam bahasa kedua paling popular, bahasa Jerman, sementara artikel dalam bahasa Perancis berada di tempat ketiga. Kata Minae Mizumura dalam *The Fall of Language In The Age of English*, pada pertengahan tahun 80-an, perkataan Inggeris, *air mail*, menggantikan perkataan Perancis, *par avion*, dalam bahasa rasmi pengurusan pos antarabangsa. Bahasa Perancis menjadi lingua franca di Eropah pada zaman pertengahan. Pada tahun 2001, International Civil Aviation Organization menerima cadangan agar bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa komunikasi penerbangan.

Bahasa Inggeris berkembang luas apabila Inggeris muncul sebagai kuasa dunia paling berpengaruh setelah kejatuhan Perancis pada era imperialisme. Ketika puncak keagungan kuasanya, Inggeris menguasai hampir satu per empat bumi ini dan bahasa Inggeris digunakan sebagai *lingua franca* di seluruh empayar Inggeris. Peranan bahasa Perancis bertambah kecil, susulan peristiwa pembelian Louisiana 1803. Oleh sebab kekurangan dana untuk membiayai peperangan dengan Inggeris, Napoleon Bonaparte menjual wilayah milik Perancis di Amerika Utara. Penjualan tersebut memudahkan Amerika Syarikat menggantikan bahasa Perancis dengan bahasa Inggeris sebagai *lingua franca* di semua jajahan terlibat. Kerana nafsu mahu meluaskan kuasa, Bonaparte bukan sahaja kehilangan wilayah milik Perancis, tetapi Perancis turut kehilangan pengaruh bahasa dan pengaruh budaya di bumi Amerika. Oleh sebab terdesak memerlukan dana, Amerika Syarikat memperoleh wilayah baharu, dengan harga yang amat rendah – tiga sen seekar (menyamai nilai 50 sen seekar mengikut kadar mata wang hari ini) – membolehkan Amerika Syarikat berkembang dari persisiran Atlantik sehingga persisiran Pasifik tanpa perlu mengangkat senjata menentang Perancis. Peristiwa salah percaturan Bonaparte wajar dijadikan sebagai pengajaran agar bangsa kita, dalam suasana terdesak, tidak sama sekali menggugurkan yang sedang dikendong kerana mengejar sesuatu yang belum pasti dapat.

Apabila Inggeris kehilangan status sebagai kuasa paling berpengaruh pasca-Perang Dunia Kedua, Amerika Syarikat, yang baru membuktikan kuasa bom atomnya kepada dunia kepada dunia, muncul sebagai kuasa besar terbaharu. Amerika Syarikat juga negara yang *lingua francanya* bahasa Inggeris. Senario ini terus membantu perkembangan serta dominasi bahasa Inggeris ke serata dunia.

Dalam tempoh 100 tahun terakhir, teknologi baharu membolehkan produk budaya dihasilkan dengan skala besar serta disebarkan dengan lebih mudah dan cepat ke kawasan yang lebih luas. Dalam tempoh lima tahun pertama abad ke-20, muncul pelbagai ciptaan baharu dalam dunia hiburan, seperti piring hitam, radio dan filem, diikuti televisyen, video, cakera padat dan cakera video digital, serta permainan video. Produk tersebut amat berpengaruh dan berperanan besar menjadi platform mengembangkan dan mempopularkan bahasa Inggeris. Kini teknologi internet mengupayakan bahasa Inggeris menembusi sempadan negara ciptaan manusia dan sempadan alam semula jadi ciptaan Tuhan, seperti Gunung Himalaya dan Padang Pasir Sahara.

Sejak terbinanya perpustakaan purba di Iskandariah pada abad ketiga sebelum Masihi, manusia mengimpikan pemilikan perpustakaan yang dapat menghimpunkan pelbagai pengetahuan, mengandungi pelbagai buku dari seluruh dunia. Pada hari ini, internet telah memenuhi impian tersebut. Pada tahun 2004, Google mengumumkan Google Library Project, rancangan mewujudkan pangkalan data buku berbentuk digital. Sejak era Sumeria yang menggunakan papan batu, sehingga tahun 2015, manusia menerbitkan 320 juta buku, 750 juta makalah, 25 juta lagu, 500 juta imej, 500 ribu filem, tiga juta video, dan 100 ribu juta halaman web awam. Dunia hari ini telah disifatkan sebagai syurga pengetahuan dan utopia maklumat. Usaha gigih sedang dilakukan untuk merakamkan segala penerbitan tersebut secara digital. Ibu segala perpustakaan, dalam masa yang singkat, akan berada di dalam kocek manusia; perpustakaan yang sangat demokratik sifatnya, menyediakan bahan bacaan kepada setiap orang yang berhasrat mendapatkannya. Kandungan perpustakaan ini dibangunkan dalam bahasa Inggeris.

Dilema menghadapi kemaraan dan pengaruh bahasa Inggeris dialami oleh setiap negara. Negara Eropah menanggung kesakitan yang lebih awal. Pengajian ekonomi berkembang subur di beberapa buah wilayah di Eropah. Senario pengajian ekonomi berubah setelah The Wealth



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menyaksikan rakaman pameran bergambar Keberangkatan Raja-raja Melayu.

of Nations, karya Adam Smith, diterbitkan dalam bahasa Inggeris, yang berkembar dengan kuasa ekonomi Inggeris, diikuti kemudiannya kuasa ekonomi Amerika Syarikat. Pada awal abad ke-20, ekonomi menjadi bidang pengajian sains sosial yang lebih banyak dikendalikan dalam bahasa Inggeris. Nasib yang menimpa ahli ekonomi Poland, Michal Kalecki (1899-1970) menjadi contoh paling memilukan. Pada tahun 1933, Kalecki mengasaskan dan kemudiannya menerbitkan artikel yang sangat bersejarah mengenai *principle of effective demand*. Kalecki langsung tidak mendapat sebarang pengiktirafan kerana penemuannya diterbitkan dalam bahasa Polish, berbanding dengan sanjungan yang diberikan kepada ahli ekonomi British, John Maynard Keynes, kerana menghuraikan penemuan asas Kalecki dalam penerbitan berbahasa Inggeris, *The General Theory of Employment, Interest and Money*.

Negara dan bangsa pada ketika ini sedang menghadapi cabaran mengolah formula yang dapat mengimbangkan hasrat untuk mempertahankan kedaulatan bahasa kebangsaan dengan keperluan melahirkan masyarakat dwibahasa. Generasi dewasa bertanggungjawab mengolah dasar dan menyediakan program yang dapat memenuhi harapan generasi muda. Perdagangan semakin mengambil tempat utama dalam pentas hubungan antarabangsa. Kelajuan dan kecepatan menjadi kriteria yang amat penting bagi menentukan fasa bertindak dalam desa buana.

Bangsa kita tidak harus tertinggal dan tidak harus dibiarkan menjadi penonton dalam kerancakan aktiviti yang sedang pesat berlaku dalam desa buana. Bangsa kita perlu melahirkan sumber manusia yang dapat menguasai dan mengendalikan urusan pada peringkat antarabangsa. Kita wajib dan bertanggungjawab membangunkan barisan peguam, akauntan, pakar kewangan dan perbankan, ahli sains dan teknologi, yang berupaya mewakili, menghujahkan, dan mempertahankan kepentingan kita dalam rundingan dan urus niaga pada peringkat antarabangsa. Kesedaran ini ada dalam jiwa bangsa kita. Bangsa kita juga mengakui dan menerima hakikat pentingnya anak Melayu menguasai bahasa Inggeris. Perselisihan berlaku dari segi kaedah dan pendekatan. Pejuang bahasa tidak boleh menerima pendekatan membakar kelambu kerana hendak membunuh nyamuk. Bahasa kebangsaan tidak harus dijadikan sebagai mangsa untuk dipinggirkan kerana kaedah pengajaran bahasa Inggeris di sekolah yang kurang berkesan.

Orang Melayu tidak harus melatah sepanjang masa. Dasar dan kaedah yang baik tidak terhasil dalam keadaan latah. Anak Melayu bukannya tikus Belanda, untuk dijadikan sebagai bahan uji kaji sepanjang masa. Kaedah membolehkan bangsa menguasai bahasa Inggeris hendaklah diformulasikan secara betul. Dasar mudah digubal, tetapi sebelum sesuatu idea dijadikan sebagai dasar, wajiblah diteliti secara terperinci mekanisme pelaksanaannya. Selamilah sesuatu masalah secara mendalam agar bertemu dengan mutiara penyelesaian yang lebih berkesan. Pesanan orang tua, menyikat gunakan sisir, meraut gunakan pisau, menyalai gunakan asap, memanggang gunakan bara.

Sasterawan Negara, Muhammad Haji Salleh, dalam "Perpaduan Melalui Pemisahan: Bahasa Melayu 2016", dalam *Kami Bantah DLP*, mengingatkan bahawa bahasa ialah khazanah bangsanya yang paling tua, tercipta oleh moyang sesuatu bangsa, dan dibina kata demi kata, frasa dan ungkapan, oleh leluhur lelaki dan perempuan, moyang nelayan dan petani, moyang peramu di hutan, dan moyang di rumah yang mengasuh anak dan memasak di tanah. Bahasa memberikan identiti bukan hanya kepada bangsa, tetapi kepada negara. Bahasa Melayu sudah dijadikan sebagai bahasa kebangsaan di empat buah negara – bahasa Melayu itu tumbuh di Nusantara, dan melukis jiwa, nilai dan falsafah manusia di sini. Bahasa yang dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan negara tidak wajar dijadikan sekadar hiasan – tidak ada maknanya jika hanya termaktub dalam satu perenggan, dalam Perlembagaan Negara. Bahasa Melayu wajib disuntik dengan nilai – diberi nyawa, diberi tempat.

Abdullah Munsyi, pengarang dan pemikir yang bukan pun berdarah Melayu, dalam pengenalan kepada sejarah Melayu mencatatkan:

> "Barang siapa yang tiada mengendahkan bahasanya seperti kelakuan orang Melayu itu, maka itulah tinggal dalam bodoh dan menjadi bangsa yang kecil adanya. Maka jikalau engkau hendak mengetahui akan sebab barang siapa yang membuangkan bahasanya itu, maka akan menjadi bangsa kecil dan hina, maka inilah sebabnya".

Negara harus bijaksana melakukan perimbangan demi memastikan warisan pusaka bangsa tidak tergadai dalam hasrat mahu membangunkan sumber manusia bersifat global. Ketika menerima hakikat pentingnya warga, terutama orang Melayu, menguasai bahasa yang lebih sejagat agar bangsa dapat diperkaya dengan ilmu dan kemahiran, berhati-hatilah dengan kaedah yang dipilih agar yang dikendong tidak berciciran. Jangan nanti bangsa menjadi Pak Kaduk – menang sorak kampung tergadai. Jangan dinafikan hakikat bahawa kejayaan membanyakkan bilangan kelas menengah Melayu berlaku selepas dasar pelaksanaan kebangsaan dijalankan sepenuhnya. Anak desa, yang bersarapan pisang goreng dan ubi rebus, nasi lemak dan pulut kukus, jarang-jarang sekali

Antara tetamu yang hadir dalam Majlis Syarahan Titah 2016.

terdedah kepada bahasa Inggeris – betapa berat bagi mereka untuk memahami konsep baharu jika diajar dalam bahasa yang asing. Jangan ditidakkan dapatan UNESCO bahawa bahasa yang paling baik dan efisien untuk mendapatkan ilmu ialah bahasa ibunda. Ambillah iktibar akan maksud yang terselindung di sebalik ayat keempat *Surah Ibrahim*, "Dan Kami tidak mengutuskan seorang Rasul, melainkan dengan bahasa kaumnya, supaya ia menjelaskan (hukum Allah) kepada mereka ..."

Bangsa Melayu dan bahasa Melayu ialah bangsa dan bahasa di bumi merdeka ini. Keris yang tersisip di pinggang hendaklah tidak digunakan untuk menusuk rusuk sendiri, memungkinkan pada satu hari nanti, bangsa sekali lagi berlinang air mata, mengiringi jenazah bahasanya yang sudah dikafan di dalam keranda, menuju tanah pusara, dikorbankan atas nama pembangunan, atas nama teknologi, atas nama modenisasi, atas nama globalisasi.

Keadaan kelihatan bertambah songsang, mengingatkan kita kepada lirik lagu "Dunia sudah terbalik, pemudi berbaju belang, pemuda berbaju batik". Pada satu masa, atas dorongan semangat kemerdekaan yang memuncak, pelbagai pihak berkuasa tempatan telah menukarkan nama jalan daripada nama tokoh penjajah kepada nama pemimpin tempatan. Pada hari ini, perkara yang terbalik sedang berlaku. Semakin banyak kawasan perumahan,

taman, gedung niaga, dan pusat pelancongan, yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan, dinamakan dengan menggunakan bahasa Inggeris. Pada hari ini, pihak berkuasa tempatan bagaikan mangli melihat papan tanda yang meminggirkan bahasa kebangsaan. Pada hari ini, syarikat gergasi berkaitan kerajaan, yang diterajui oleh mereka yang bernama Melayu, turut mempamerkan sikap tidak menghormati bahasa kebangsaan, malah tidak juga menunjukkan sokongan bersungguh-sungguh kepada badan yang berjuang untuk terus mendaulatkan bahasa kebangsaan.

Betapa malangnya bangsa melihat nasib bahasa Melayu bagai serba tidak kena dalam dunia korporat dan era globalisasi, bagaikan terbang di sayap pencarian, bagaikan mengemis di bumi sendiri. Demikian kemungkinan bahasa Melayu untuk tinggal dalam lipatan sejarah. Bahasa ini berkemungkinan kehilangan nilai ilmu, nilai pentadbiran, dan nilai komersial.

Bahasa Melayu itu berakar di bumi ini. Bahasa Melayu pada era pramerdeka, secara semula jadi, menjadi alat perpaduan dalam kalangan penduduk di bumi ini. Bahasa Melayu pada era pascamerdeka telah berperanan memberikan identiti dan jati diri bangsa. Dasar Bahasa Kebangsaan adalah antara tonggak penting proses pembinaan negara bangsa – menjadi asas jati diri dan citra negara bangsa, termaktub dalam Fasal 152 Perlembagaan Negara.

Orang Melayu mempunyai pilihan ketika sedang dilambung ombak globalisasi. Walau apa-apa pun, jangan keputusan dirumuskan ketika kepala masih pening dan fikiran sedang berpusing kerana kesan dilambung ombak globalisasi. Orang Melayu tidak sepatutnya gundah dengan globalisasi. Ombak globalisasi telah lama sampai di pantai kita. Pada era kesultanan Melayu, Melaka ialah tempat pertembungan budaya Timur dan Barat, tempat pertembungan budaya, dan pelabuhan perdagangan; 80 bahasa dan dialek dituturkan di Melaka, pelbagai agama turut sampai di Melaka. Namun demikian, setelah menganut Islam, orang Melayu kukuh dengan pegangan agamanya, orang Melayu kekal meneruskan adat dan budayanya, dan bahasanya kekal sepanjang masa, sepanjang zaman.

Ketika pantai dilanda hempasan ombak globalisasi, barang dijauhkan bangsa daripada menghadapi nasib benang habis kain tak jadi, jarum patah baju tak siap. Bangsa hendaklah pandai memilih guru – berguru jangan pada yang dungu bertanya jangan kepada yang jahil; bertanyalah kepada belalang jika nak tahu luasnya padang; bertanya kepada siput kalau nak tahu banyaknya teluk, bertanya kepada helang kalau nak tahu tingginya langit; bertanya kepada yu kalau nak tahu dalamnya laut; belayar dengan nakhoda – berjalan dengan yang tahu, berkata dengan yang pandai, supaya Melayu tidak nanti memasang pelita pada tengah hari, mencari bayang pada waktu malam; Melayu hendaklah berupaya menapis yang keruh mengambil yang jernih, membuang yang bengkok mengambil yang lurus; Melayu kalau berladang biar menjadi, kalau bersawah biar berpadi.

Pemimpin Melayu juga tidak perlu begitu cepat mencurah air dari tempayan kerana mendengar dentuman guruh di langit. Anak Melayu yang sudah tinggi pengajiannya, sudah tinggi ilmunya, sudah tinggi jawatannya, berhentilah daripada bersifat kacang lupakan kulit. Janganlah ilmu dan pengetahuan, status dan pangkat, yang membolehkan anak Melayu sudah pandai bersarapan keju dan sosej, menjadikan mereka terlupa daratan; yang masih tinggal Melayu pada dirinya, hanyalah secara luaran, pada nama, pada bentuk rupa serta warisan biologi yang terkandung dalam DNA dirinya, sedangkan minda, roh, semangat, dan jiwanya bukan sahaja tidak lagi Melayu, malah memandang rendah kepada Melayu. Hayatilah bait yang terkandung dalam salah satu puisi yang dinukilkan oleh Muhammad Haji Salleh:

> Melayu itu tanahmu
> bangsa dan negerimu
> kau besar dan raja padanya
>
> di pelabuhan kita seluruh dunia bertemu
> bahasa kita difikirkan, adat kita akarnya di sini.

Teo Kok Seong dalam "Bahasa Melayu Pupus Jika Tiada Pengurusan Baik", dalam *Kami Bantah DLP*, menjelaskan bahawa bahasa kebangsaan, walaupun dianggap tidak mempunyai nilai antarabangsa, ialah bahasa yang bukan sahaja mampu melindungi pertalian sejarah, malah amat afdal untuk mendukung identiti nasional. Langkah memberikan martabat dan kemuliaan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan menjadi sebahagian daripada semangat perjanjian kemerdekaan. Semangat itu wajib terus dihidupkan, obor memperjuangkannya hendaklah dinyalakan sepanjang masa. Tidak ada pihak yang boleh memadamkan status bahasa Melayu di bumi ini, melainkan kalangan orang Melayu yang terlebih internasional sifatnya, lantas tidak langsung menjiwai dan menghayati warisan sejarah bangsanya. Jangan sekali bersifat tulah, sebaliknya junjunglah titah wasiat Raja Melayu yang telah menyerahkan kuasa negeri kepada pemerintahan Persekutuan.

MAKALAH INI DISESUAIKAN DARIPADA TITAH PADUKA SERI SULTAN PERAK, SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH, DALAM MAJLIS SYARAHAN TITAH 2016 DI AUDITORIUM DBP, KUALA LUMPUR, PADA 5 OKTOBER 2016.